

## Autistik dari Perspektif Undang-Undang dan Hukum Islam (Autistics from the Perspective of Law and Islamic Jurisprudence)

Mohd Azim Hakim Ibrahim

*Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*

Khadher Ahmad

*Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*

Mustaffa Abdullah

*Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*

### Abstrak

Autistik atau *autism* dikenali sebagai Autism Spectrum Disorder (ASD) atau dalam bahasa Melayu sebagai Kecelaruhan Spektrum Autisme. Ia merujuk kepada maksud melarikan diri daripada realiti. Autistik termasuk dalam kumpulan orang kelainan upaya (OKU) di bawah kategori masalah pembelajaran berdasarkan keterangan akta OKU 2008. Melalui kaedah analisis induktif dan deduktif, artikel ini bertujuan menganalisis data-data dokumentasi dalam pelbagai literatur yang diterbitkan ataupun tidak yang berkaitan dengan perspektif undang-undang dan hukum Islam semasa terhadap golongan autistik. Perkara ini berkait rapat dengan isu di mana dalam aspek undang-undang dan hukum Islam, masih wujud permasalahan yang perlu kepada perincian dan perbincangan lanjut sesuai dengan isu-isu semasa berbangkit terhadap golongan autistik ini. Hasil kajian mendapati bahawa perbincangan terhadap autistik dari sudut undang-undang belum diberikan perbincangan lanjut dan perincian yang sewajarnya. Perbincangan sedia ada dalam aspek undang-undang masih diletakkan di bawah kategori golongan OKU secara umum dan tidak dirujuk secara khusus terhadap golongan autistik yang mempunyai perbezaan sikap dan tindakan mereka. Kemudian dari perspektif hukum Islam pula, didapati bahawa golongan autistik dikategorikan sebagai penyakit mental disebabkan tahap kematangan yang masih rendah dan tidak terkeluar daripada kategori kanak-kanak yang sudah *mumayyiz*. Ada juga yang mengatakan seperti kanak-kanak yang belum *mumayyiz*. Jadi, pengkategorian ini mempengaruhi kepada keperluan dalam pelaksanaan ibadah dan segala taklifan yang lain dalam agama. Justeru, diharapkan agar perbincangan ini dapat membuka beberapa perincian dari aspek undang-undang dan hukum Islam semasa terhadap golongan autistik yang sewajarnya diberikan perhatian sejajar dengan perkembangan pelbagai isu semasa berkaitan golongan autistik ini..

**Kata kunci:** Autistik, *Autism*, Undang-Undang, Hukum Islam, Orang Kurang Upaya (OKU)

### Abstract

Autism Spectrum Disorder (ASD) or widely known as autism means taking oneself away from reality. Autism is categorised under a group of Person with Disabilities (PWD) under the learning disabilities type, based on the criteria set out in the PWD Act 2008. Through inductive and deductive analysis methods, this article aims to analyse the documentation of data in various published or unrelated literature with legal perspectives and Islamic law in discussing autism. This matter is closely related to the issue wherein under Islamic law and jurisprudence, there are still problems that need to be discussed and further elaborated in relation to autism. The results of the study found that there had not been sufficient discussions on autism from legal perspectives. Currently, discussions in the legal aspect are mostly in relation to PWD in general and are not referring specifically to the autistic group who have different attitudes and actions. Meanwhile, from the perspective of Islamic law, autism is categorised as mental illness due to the low level of maturity and involved children who does not reach the level of *mumayyiz*. Hence, this perspective will definitely affect the carrying out of religious activities as well as their responsibilities towards the same. Therefore, it is hoped that this discussion can open up further views and understanding from Islamic law perspectives, that specific law involving autism should be given higher attention in addressing various issues related to the same.

**Keywords:** Autism, Law, Islamic Jurisprudence, Disabilities People.

Article Progress  
Received: 3 April 2022  
Revised: 17 April 2022  
Accepted: 1 May 2022

## 1. PENGENALAN

Autistik pertama berasal daripada bahasa Yunani iaitu perkataan “*autos*” yang membawa maksud diri sendiri. Autistik juga dikenali Autism Spectrum Disorder (ASD) atau dalam bahasa Melayu sebagai Kecelaruhan Spektrum Autisme. Autistik ini mula dikesan tahun 1943 oleh seorang pakar psikiatri Pusat Perubatan John Hopkin, Amerika Syarikat. (Razhiyah, 2008) Autistik membawa maksud melarikan diri daripada realiti di mana ia termasuk dalam kumpulan orang kelainan upaya (OKU) di bawah kategori masalah pembelajaran berdasarkan keterangan akta OKU 2008. (Akta Orang Kurang Upaya 2008)

Dalam bidang pendidikan, OKU merujuk kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) atau Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dan disebutkan dalam Bahasa Arab iaitu *Zawi al-Ihtiyajat al-Khassah*. Golongan OKU merupakan kumpulan minoriti yang memerlukan perhatian dan bantuan pelbagai pihak khususnya masyarakat setempat bagi memastikan kelangsungan hidup mereka sama ada daripada sudut akses fizikal mahupun spiritual. (Kusrin et.al 2019). Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2008, "OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat". Secara amnya, terdapat tujuh kategori OKU yang direkodkan di bawah JKM iaitu:

- i. Kurang Upaya Pendengaran
- ii. Kurang Upaya Penglihatan
- iii. Kurang Upaya Pertuturan
- iv. Kurang Upaya Fizikal
- v. Kurang Upaya Pembelajaran
- vi. Kurang Upaya Mental
- vii. Kurang Upaya Pelbagai

Berdasarkan kategori yang dinyatakan, autistik adalah golongan OKU dalam kategori masalah pembelajaran dan kurang upaya mental. Kebiasaannya kategori ini adalah merujuk kepada seseorang yang menghadapi masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya. Mereka yang tergolong dalam kategori ini selain autistik ialah lembam, *down syndrome*, kurang upaya *intelektual*, *Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD)*, masalah pembelajaran spesifik (*dyslexia*, *dyscalculia*, *dygraphia*) dan lewat perkembangan global (*global development delay*). (Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya, 2010)

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Pada tahun 2017, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merekodkan seramai 15,484 orang yang dikenal pasti menghadapi masalah autistik di seluruh negara berbanding jumlah 12,785 orang pada tahun 2016. Daripada statistik bagi tahun 2016 dan 2017 ini, dapat dilihat pertambahan bilangan pengidap autistik semakin meningkat dan dijangkakan jumlah ini akan terus berganda pada masa hadapan. Hasil daripada kajian yang telah dibuat oleh World Health Organization (WHO) pada tahun 2017, menunjukkan nisbah kanak-kanak autistik di seluruh dunia ialah 1 daripada 160 orang yang dilahirkan memiliki tanda-tanda autistik, meningkat berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,080 orang yang berdaftar adalah berumur bawah enam tahun, manakala 7,167 orang berumur tujuh hingga 12 tahun, dan 2,248 orang berumur 13 hingga 18 tahun. (Astroawani, 1 April 2018). Pakar Psikiatrik Kanak-Kanak, Prof Madya Dr Fairuz Nazri Abd Rahman menyifatkan autistik antara masalah kesihatan mental yang paling popular yang berlaku pada kanak-kanak hari ini dengan anggaran 1 daripada 100 kanak-kanak adalah autistik. (Harian Metro, 15 April 2018)

Pertambahan jumlah ini dari tahun ke tahun menyebabkan timbul banyak isu yang dikaitkan dengan golongan ini yang memerlukan kepada perhatian yang serius. Antara permasalahan yang timbul dalam kalangan mereka adalah dalam aspek pembelajaran. Pelbagai usaha dan langkah telah dilakukan dan diambil oleh pihak Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan dalam membantu mereka meneruskan kelangsungan kehidupan golongan ini. Penyediaan prasarana yang mesra OKU di bangunan-bangunan awam dan kawasan rekreasi dan pengangkutan awam adalah antara usaha bagi membantu golongan ini termasuk golongan OKU secara umumnya. Malah usaha pihak Kerajaan dan swasta yang paling serius ialah penyediaan pusat latihan, pendidikan dan modul khusus kepada golongan berkeperluan ini dalam usaha untuk memudahkan proses pembelajaran, di samping menyediakan sekolah-sekolah khas. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan program khas untuk golongan ini di sekolah yang dinamakan program integrasi khas. Contoh lain adalah seperti Rimau Café di Majlis Sukan Negara (MSN) dan Pusat Belia Antarabangsa, telah menyediakan tempat bekerja bagi belia autistik yang tamat latihan. Dengan tujuan untuk membantu golongan ini bekerja dengan suasana yang sesuai. (Berita Harian, 10 April 2019).

Di samping masalah yang berkaitan dengan pembelajaran, tidak dapat dinafikan juga tentang isu-isu yang berkaitan undang-undang dan hukum Islam terhadap golongan autistik ini. Ia dilihat sangat penting untuk diberikan perbincangan lanjut. Terdapat pelbagai isu yang berkaitan dengan undang-undang berlaku melibatkan golongan autistik. Antaranya kes terbaru yang berlaku kepada seorang autistik yang dituduh mencabul seorang perempuan di sebuah kedai makan berdasarkan laporan dalam akbar Berita Harian pada tahun 2020. (Berita Harian, 16 September 2018 & Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018). Isu ini menjadi perbualan hangat dalam kalangan netizen dan antara perkara yang diperbahaskan ialah mengenai proses undang-undang dan *standard operating procedure* (SOP) tangkapan terhadap beliau. Dalam kes ini, pelaku terbabit telah disahkan sebagai autistik dan perkara itu telah dimaklumkan oleh ibunya sewaktu tangkapan dibuat. Walau bagaimanapun, menurut pegawai yang terlibat dalam operasi tangkapan individu autistik tersebut, semua SOP dan tatacara undang-undang telah dipatuhi dengan baik. Jadi, berikutan kes tersebut, satu jawatankuasa khas ditubuhkan dalam Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menangani masalah ini. Hasilnya juga, apabila satu pusat autistik dirancang untuk ditubuhkan di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) bagi memberi maklumat berkaitan autistik dalam kalangan anggota PDRM. (Berita Harian, 25 Mac 2019).

Manakala dalam satu kejadian lain pada 1 Oktober 2021, seorang anak autisme dilaporkan oleh bapanya telah dikasari oleh seorang guru di sekolah jagaannya setelah mendapati ada kesan lebam pada bahagian belakang anak tersebut. Selepas menyemak rakaman CCTV, jelas mendapati bahawa anak tersebut didera oleh guru berkenaan. Bahkan, hasil siasatan juga mendapati bahawa pusat jagaan berkenaan tidak mendapat kelulusan beroperasi oleh pihak Jabatana Kebajikan Masyarakat dan pelatihnya tidak mempunyai lesen dan kelayakan yang sah. (Berita Harian, 4 Oktober 2021).

Selain daripada isu undang-undang, autistik juga tidak dapat lari daripada permasalahan yang membabitkan hukum dan fiqh ibadah terhadap mereka. Pertambahan jumlah golongan autistik di seluruh dunia umumnya dan Malaysia khususnya membuka perbincangan terhadap pelbagai permasalahan dan isu berkaitan dengan agama terhadap mereka terutamanya dalam soal ibadah seperti solat dan lain-lain lagi. Dalam Islam, apabila seseorang yang sudah mencapai umur baligh sama ada lelaki atau perempuan, tuntutan taklif akan dikenakan kepada mereka yang disebutkan sebagai “*al-mukallifin*”. Walaubagaimanapun terdapat persoalan yang melibatkan golongan autistik ini sama ada mereka memenuhi syarat untuk menanggung tuntutan taklif ini sebelum dapat diletakkan satu keputusan hukum terhadap golongan tersebut.

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti secara langsung dua aspek utama yang berkaitan dengan autistik iaitu dari sudut undang-undang di Malaysia dan juga perspektif hukum Islam semasa terhadap golongan ini. Perbincangan ini sangat penting agar kedua-dua perkara ini mendapat penjelasan yang sewajarnya yang boleh difahami secara langsung terhadap golongan tersebut.

### 3. OBJEKTIF

Bagi memastikan perbincangan dalam artikel berfokus dengan baik, maka terdapat dua objektif utama yang ditetapkan iaitu;

- i. Menjelaskan perbincangan terhadap autistik iaitu dari sudut undang-undang dan hukum Islam yang sedia ada serta permasalahan yang berlaku.
- ii. Membincangkan aspek-aspek yang diperlukan dalam pengukuhan sudut undang-undang dan hukum Islam terhadap golongan autistik.

### 4. METODOLOGI

Artikel ini akan membincangkan tentang dua perkara berkaitan dengan golongan autistik. Pertama, perbincangan terhadap autistik dari sudut pandangan undang-undang, yang memfokuskan undang-undang sedia ada terhadap golongan autistik secara khusus dan terhadap golongan OKU secara umum. Bahagian ini juga akan menyentuh aspek penguatkuasaan undang-undang sedia ada serta kesan dan keberkesanan undang-undang tersebut dalam menangani kes-kes melibatkan golongan autistik. Keduaanya, perbincangan terhadap golongan autistik dari sudut hukum Islam semasa (syariat). Ia merangkumi aspek hukum-hakam sedia ada yang ditetapkan dalam Islam dan pemakaiannya serta kesesuaiannya untuk diaplikasikan kepada golongan OKU secara umumnya dan autistik secara khususnya. Hukum-hukum yang akan diperbincangkan merangkumi hukum berkaitan fiqh dan ibadah harian mereka. Dalam masa yang sama artikel ini juga akan berusaha untuk memfokuskan terhadap perbincangan para ulama dan sarjana tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan golongan ini.

Dalam merungkaikan perbincangan dalam artikel ini, penggunaan metode perpustakaan dan dokumentasi diaplikasikan bagi proses pengumpulan data. Metode ini antara lain menilai literatur-literatur sedia ada yang berkaitan tentang autistik dari pandangan undang-undang dan hukum-hukum Islam. Sumber-sumber tersebut terdiri daripada hasil penyelidikan, tesis kedoktoran dan disertasi master, artikel jurnal, kertas kerja persidangan, dan buku-buku tulisan tentang tajuk berkaitan. Keseluruhan data tersebut kemudiannya dianalisis melalui metode induktif dan deduktif bagi menghasilkan kesimpulan penilaian yang bersifat menyeluruh terhadap kedua-dua aspek undang-undang dan hukum Islam semasa tersebut. Pada masa yang sama, turut mengaitkan perbincangan dengan membawa dalil daripada al-Quran dan hadith yang berkait dengan aspek hukum dan *fiqh* semasa berkaitan autistik. Termasuk aspek undang-undang, yang juga melibatkan rujukan kepada akta-akta dan peraturan yang berkaitan dengan OKU yang dihubungkan dengan bukti daripada kajian-kajian yang lepas.

### 5. AUTISTIK DARI SUDUT KONSEP, FAKTOR DAN JENIS

Daripada sudut bahasa iaitu dalam bahasa Arab, autistik disebut sebagai *al-tawahhud* (التوحد). (Ahmad Al-Aayid et., al, 1989 & Abdul Rauf Hasan et.al, 2015). Manakala perkataan *autism* berasal daripada perkataan Autismus dalam bahasa Jerman, dicetuskan pada 1912 oleh seorang pakar psikiatri, Paul Bleuler daripada perkataan Greek iaitu *autos* (sendiri) + *ismos* (pengakhiran bagi tindakan atau kondisi). (Noor Aina Dani et.al, 2019). Secara umumnya, ia berkenaan seseorang yang

mempunyai minat, kecenderungan dan fokus yang melampau kepada aktiviti-aktiviti individu semata-mata. Autistik adalah sebahagian daripada yang dikategori sebagai orang kelainan upaya (OKU). Menurut World Health Organization (WHO), OKU adalah seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosialnya sebagai seorang yang normal akibat kekurangan fizikal atau mental. Manakala menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) autistik merujuk kepada seseorang yang tidak berupaya untuk menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau separuh daripada keperluan biasa seseorang individu atau tidak dapat hidup bermasyarakat atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal ataupun mental sama ada berlaku sejak lahir ataupun kemudian. (Azman Ab. Rahman et.al, 2015).

Sehingga hari ini, autistik dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu Autistic Disorder, Asperger Syndrome, Pervasive Developmental Disorder – Not Otherwise Specified (PDD-NOS; juga dikenali sebagai atypical autism) dan Childhood Disintegrative Disorder. (Razhiyah, 2008). Keempat-empat bahagian ini terbahagi kepada dua tahap iaitu autistik fungsi tinggi dan autistik fungsi rendah. Secara umumnya, punca sebenarnya berlakunya perkara ini masih belum diketahui secara pasti. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kajian yang mengatakan bahawa punca adalah faktor genetik. (Razhiyah, 2008). Kenyataan ini disokong oleh pandangan Prof Madya Dr Fairuz Nazri Abd Rahman seorang Pakar Psikiatrik Kanak-kanak yang turut mengatakan demikian. (Harian Metro, 15 April 2018). Demikian juga kenyataan yang dikemukakan dalam kajian oleh Alman Pratama Manalu dan rakan-rakan berkaitan autistik ini, (Manalu et.al. 2013) dan kajian oleh Nurjannah dari Universitas Iskandar Muda Banda Aceh yang juga mengatakan bahawa punca utama masalah autistik ini adalah disebabkan oleh faktor genetik. (Nurjannah, 2020). Jadi, faktor genetik adalah faktor yang boleh dikatakan sebagai faktor utama yang membawa kepada lahirnya anak autistik ini.

Manakala menurut Dr. Hasnah Toran (2017), dalam bukunya *Autisme: Panduan Ibu Bapa*, telah menyenaraikan beberapa faktor persekitaran yang boleh meningkatkan risiko autisme adalah iaitu faktor usia tua ibu bapa pada masa anak dilahirkan, faktor ibu yang mengalami penyakit seperti jangkitan kuman tertentu ketika mengandung, faktor kelahiran tidak cukup bulan, faktor berat yang terlalu rendah ketika kelahiran, faktor proses bersalin yang sukar, faktor bayi kekurangan oksigen semasa proses kelahiran, faktor ibu terdedah kepada toksin seperti racun serangga, faktor pencemaran udara dan juga faktor terdedah kepada logam berat: raksa, cadmium, atau timah. (Toran, 2017).

Kemudian, menurut Zuliza Mohd Kusrin dan rakan-rakan yang menyebutkan bahawa antara faktor berlakunya autistik adalah berpunca daripada kecelaruan genetik, jangkitan sewaktu kelahiran, kekurangan oksigen semasa kelahiran serta keracunan makanan. Susunan dalam keluarga dan ketidakfungsian *cereblum*, *limbic system* juga menjadi faktor kepada terjadi autistik kepada seseorang. (Kusrin et.al., 2019).

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa autistik adalah sebahagian daripada golongan OKU yang menghadapi masalah yang memerlukan kepada perhatian. Faktor genetik dan beberapa faktor ketika proses kelahiran serta faktor luaran yang disebabkan oleh pencemaran antara yang boleh menjadi penyebab kepada penyakit ini. Dari itu, golongan ini sangat memerlukan perhatian dan sokongan dari semu lapisan masyarakat bagi membantu kehidupan mereka termasuk dalam soal undang-undang dan hukum hakam agama. Kerana mereka turut mempunyai hak untuk hidup bersama dan menikmati peluang yang sama antara masyarakat.

## 6. HASIL KAJIAN

### 6.1 Bahagian Pertama: Autistik Menurut Perspektif Perundangan

Dalam menjalani aktiviti harian, golongan autistik tidak dapat lari daripada berhadapan dengan pelbagai situasi dan keadaan asing, termasuk akses kepada dunia luar serta komunikasi dan interaksi dengan pelbagai lapisan masyarakat. Sama ada melibatkan keluarga atau individu terdekat mahupun orang awam secara umumnya. Situasi ini menunjukkan bahawa bagaimana dengan aktiviti yang dijalankan oleh golongan ini dan adakah ia selamat serta sesuai untuk mereka? Adakah golongan ini turut dilindungi dalam peruntukan undang-undang?

Isu yang sering dibangkitkan adalah melibatkan perlindungan kepada golongan autistik, hak-hak mereka dalam pendidikan, kemudahan dan akses kepada bangunan-bangunan dan tempat-tempat awam. Menurut Zuliza Mohd Kusrin dan rakan-rakan bukan hanya itu sahaja, malah isu yang acapkali diketengahkan juga termasuk kesan dan peruntukan undang-undang yang terpakai terhadap golongan autistik melibatkan perlakuan tanpa sedar yang ada kalanya dianggap melanggar akhlak dan etika. Contohnya seperti mengintai, menyentuh individu lain secara tidak sopan, mempamerkan alat sulit dan melakukan masturbasi, menyentuh bahagian sulit orang lain seperti dada dan punggung, dan melakukan aktiviti tidak beradab seperti mencium dan sebagainya. (Kusrin et.al., 2019). Jadi, jika berlaku keadaan ini, adakah golongan ini akan dikenakan juga hukum dan tindakan seperti orang normal?

Secara umumnya, menurut Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), kanak-kanak merujuk kepada seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Menurut Seksyen 82 Kanun Keseksaan pula, had umur bagi sabitan kesalahan tidak terpakai kepada kanak-kanak di bawah umur 10 tahun dan di bawah umur 12 tahun yang belum cukup akal. Sebelum 2008, tiada undang-undang spesifik yang membincangkan hak-hak dan penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia. Pada dasarnya, apabila mencapai umur dewasa, semua individu termasuk autistik dianggap bertanggungjawab ke atas perlakuan mereka dan mereka boleh didakwa dan berisiko dikenakan hukuman apabila melakukan kesalahan dari sudut perundangan. (Tahir, et.al., 2020).

Selaras dengan pembentukan Dasar Orang Kurang Upaya Negara pada tahun 2007, Akta orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) telahpun diwujudkan, antara lain menyatakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya, juga penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya. Dalam pelan tindakan OKU 2016-2022 orang kurang upaya didefinisikan sebagai "seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya secara efektif dalam masyarakat". Manakala seksyen 2 Akta 2008 pula telah mendefinisikan Orang Kurang Upaya sebagai "...termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan mampu menzahirkan kesan dalam masyarakat."

Menurut kajian yang telah dijalankan, antara sebab golongan autistik melakukan perkara yang bertentangan dengan undang-undang adalah kerana kesukaran mereka berkomunikasi yang menjadikan mereka mudah untuk dimanipulasi oleh orang lain. Keadaan ini sering menjadikan mereka sama ada disalah erti oleh orang yang kurang pengetahuan mengenai autistik. (Kusrin, et.al. 2022). Kemungkinan boleh juga menjadi mangsa terhadap individu dan pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan ke atas mereka. Antara faktor yang didapati menjadi pencetus sikap agresif mereka adalah gangguan terhadap jadual rutin mereka seharian.

Secara umumnya, sejarah perkembangan undang-undang OKU di Malaysia pada peringkat awal lebih tertumpu kepada bidang pendidikan, bermula daripada penubuhan sekolah untuk kanak-

kanak OKU yang pertama pada tahun 1948 iaitu Sekolah Rendah Princes Elizabeth di Johor Baharu dan juga Sekolah Kanak-kanak Pekak Persekutuan di Pulau Pinang pada tahun 1954. (Tahir, et.al., 2020). Pada tahun 2007 satu Dasar Orang Kurang Upaya digubal oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan serta memberi pengiktirafan kepada golongan ini yang merupakan sebahagian daripada rakyat Malaysia. Pada zaman penjajahan British dahulu Jabatan Kebajikan Masyarakat telah ditubuhkan pada tahun 1946. Bagi mencapai matlamat ini satu dasar OKU telah dirangka pada tahun 2007. Antara intipati utama dasar ini ialah berasaskan hak dan peluang yang sama untuk OKU dalam menjalani kehidupan sepertimana anggota masyarakat yang lain. (Tahir, et.al., 2020).

Selaras dengan akta tersebut, Akta 2008 juga berjaya direalisasikan yang memberi penekanan dan pengiktirafan OKU bahawa mereka berhak diberi peluang dan perlindungan serta pelbagai pelan dan rancangan kerajaan dalam membantu OKU di negara ini. Walau bagaimanapun, menurut Presiden Persatuan Kurang Upaya Anggota Malaysia (KUAM) Sukairi Abdullah mengatakan bahawa akta sedia ada OKU tidak pernah dikuatkuasakan setelah 12 tahun dibuat yang menyebabkan banyak permasalahan berkaitan OKU tidak dapat diselesaikan dengan cara yang baik. Antara permasalahan yang timbul ialah kes penangkapan seorang autistik (OKU) yang telah dituduh meraba dada seorang perempuan di sebuah restoran di Kuala Lumpur. Isu ini menjadi perbualan dan hangat diperkatakan mengenai SOP penangkapannya adakah ianya selaras dengan peruntukan akta terhadap OKU. (Astroawani, 18 dan 19 September 2018).

Menurut Ketua Urus Setia Ketua Polis Negara (KPN) (Penyelidikan & Pembangunan) Bukit Aman, Datuk Ramli Din, berkata tindakan terhadap individu autistik itu hanya akan diambil sekiranya mendatangkan ancaman kepada pegawai dan anggota polis atau orang awam. (Berita Harian, 15 Oktober 2019). Manakala, Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, setakat ini mengesahkan bahawa masih belum ada sebarang SOP khusus bagi mengendalikan kes yang berkaitan individu autistik sama ada ketika proses tangkapan dan tahanan serta pendakwaan. Beliau menekankan perlu ada satu SOP khas dan memerlukan penelitian yang terperinci bagi membezakan antara kesalahan jenayah yang dilakukan oleh individu kurang siuman dan individu autistik (*autism*) dengan kesalahan jenayah yang lain. Menurut Pengerusi Persatuan Orang Kurang Upaya Bentong (POKUB) Mohd Huzaire Ahmad menyarankan kerajaan supaya menyemak dan meneliti atau meminda akta OKU yang sedia ada bagi memastikan nasib dan hak OKU termasuk autistik ini dijaga dan terbela lebih-lebih lagi dalam soal yang berkaitan penguatkuasaan undang-undang terhadap mereka. (Harian Metro, 10 Disember 2021).

Cadangan ini juga disokong oleh Badan Peguam Malaysia yang menyarankan supaya menyemak semula akta OKU 2008 yang sudah berpuluh tahun dalam memastikan akta ini selari dengan keadaan semasa yang mana masih ketinggalan dalam beberapa aspek terutamanya diskriminasi terhadap OKU, ketiadaan peruntukan dan juga pengecualian pihak kerajaan terhadap salah laku OKU. (Tahir, et.al., 2020). Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) contohnya, telah memohon Pejabat Peguam Negara menimbang semula hukuman penjara yang dikenakan terhadap seorang lelaki OKU atas kesalahan yang dilakukan iaitu cubaan membunuh diri yang didakwa mengikut Seksyen 309 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan. (Berita Harian, 6 Februari 2020). Hal ini mendapat perhatian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat yang akan meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkaitan bagi menyelesaikan masalah melibatkan kelakuan golongan OKU termasuk golongan autistik (*autism*).

Di Malaysia pula, kes-kes jenayah yang melibatkan autistik ini terkait dengan jenayah seksual individu autistik dari kalangan Muslim. Berdasarkan kajian oleh Zuriani dan Zuliza (2019), mendapati bahawa sebahagian besar daripada perilaku seksual tersebut telah dikanunkan sebagai

kesalahan jenayah seksual syariah dalam akta dan enakmen-enakmen jenayah syariah negeri-negeri. Jenis jenayah tersebut adalah seperti sumbang mahram, pelacuran dan persetubuhan luar nikah. Kes lain yang turut menjurus kepada perlakuan seksual adalah seperti mengintai, menyentuh alat kemaluan orang lain, mencuri pakaian dalam, melakukan aksi bercium dan sebagainya lagi. Ada juga kes yang lebih berat melibatkan kes homoseksual, lesbian dan liwat. Dalam undang-undang Malaysia, jenayah tersebut yang dilakukan oleh autistik Muslim tertakluk kepada undang-undang jenayah sivil dan juga undang-undang jenayah Syariah.

Bahkan, dalam kajian Zuraini Yaakub & Zuliza Kusrin (2015) menunjukkan bahawa terdapat dalam kalangan remaja autistik yang melakukan persetubuhan haram tanpa memahami bahawa perlakuan seksual tersebut adalah suatu kesalahan jenayah seksual Syariah melainkan semata-mata manipulasi terhadap kenaifan remaja tersebut tentang hal berkenaan. (Kusrin & Yaakub, 2020).

Kemudian, antara kes yang terbaru dilaporkan dalam akbar pada tahun 2020 kepada seorang autistik yang dituduh mencabul seorang perempuan di sebuah kedai makan yang menjadi perbualan hangat dalam kalangan netizen dan antara perkara yang diperbahas dalam kalangan para sarjana ialah mengenai proses undang-undang dan *standard operating procedure* (SOP) terhadapnya. (Berita Harian, 16 September 2018).

### **Kes Luar Negara**

Kes-kes jenayah yang melibatkan individu autistik bukan sahaja pernah berlaku dalam negara, tetapi melibatkan juga golongan autistik luar negara. Antara kes jenayah yang dilakukan individu autistik adalah kes di Amerika Syarikat di mana seorang individu autistik yang bernama McKinnon yang mempunyai sindrom *asperger* telah menggunakan keistimewaan yang ada padanya iaitu gangguan sindrom bagi membela dirinya di mahkamah. Hasil siasatan mendapati beliau telah menggodam komputer dan maklumat sulit ketenteraan Amerika Syarikat dan National Aeronautics and Space Administration (NASA) dengan alasan sekadar ingin tahu. Bahkan, dia juga melakukan aktiviti seksual di dalam rumah yang melibatkan anaknya serta menggalakkan aktiviti onani bagi memuaskan keperluan seksual diri dan ahli keluarganya. Bukan itu sahaja, McKinnon turut mengarahkan anjing peliharaan keluarga untuk menjilat kemaluan anak perempuannya. Beliau berpendapat bahawa aktiviti seksual yang dilakukan adalah bertujuan untuk menjalankan ujikaji dan bagi mendapatkan kepuasan diri semata-mata tanpa memberi kesan buruk pada dirinya mahupun anaknya (Joecomp, dicapai pada Mac 2022).

Dalam kes yang lain, Persatuan Autisme Indiana, Amerika Syarikat telah menyenaraikan beberapa kes pembunuhan dan cubaan membunuh yang dilakukan dalam kalangan golongan autistik. Kes Noah McGlawn, 24 tahun, di mana pada 10 September 2012, beliau telah melepaskan dua tembakan kepada seorang penunggang motosikal bernama Brandon Matlock. (The News Courier, 17 April 2017). Kesan tembakan tersebut menyebabkan kecederaan di bahagian leher dan bahagian belakang beliau. Dalam perbicaraan dijalankan terhadap kes ini, didapati McGlawn tidak bersalah kerana beliau adalah seorang autistik. Dalam hujahan hakim, McGlawn diputuskan sebagai tidak mengetahui perbuatan menembak tersebut yang boleh membawa kepada kematian.

Kemudian, di Singapura kes yang dilaporkan pada tahun 2018 berkenaan seorang lelaki yang telah melakukan masturbasi (onani) sambil memerhati seorang perempuan seksi dalam sebuah MRT telah menjadi viral (tular) kerana dirakam secara rahsia dan dimuat naik oleh seorang lelaki di laman facebooknya. Kes itu tersebar dengan cepat dan memalukan ahli keluarga sehingga menyebabkan ahli keluarga pelaku tertekan. Pihak keluarga individu itu telah tampil membuat kenyataan secara terbuka bagi memaklumkan bahawa individu tersebut adalah seorang autistik. (Kusrin & Yaakub 2020 & Kusri et.al., 2019).

Berdasarkan kepada perbincangan dari sudut undang-undang terhadap golongan autistik ini, boleh untuk disimpulkan bahawa perlu kepada perincian yang jelas dan lebih terkini sesuai dengan



keberadaan dan keadaan golongan autistik. Golongan ini sewajarnya diberikan satu pendedahan khusus yang boleh membantu untuk mengelak daripada golongan ini terlibat sama ada menjadi mangsa atau bertindak sebagai pemangsa. Undang-undang sedia ada boleh diperketatkan lagi bagi tujuan keselamatan mereka, namun tidak bermaksud pula untuk melepaskan mereka begitu sahaja apabila terlibat dengan jenayah.

## 6.2 Bahagian Kedua: Autistik Dalam Perspektif Hukum Islam

Dalam memahami perbincangan terhadap golongan autistik, tidak dapat tidak perlu dirujuk kepada perbincangan terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) secara umumnya. Ini kerana golongan tersebut adalah sebahagian dan termasuk dalam golongan berkenaan. Walaupun golongan OKU ini tidak sempurna dari sudut fizikal dan mental, mereka masih termasuk dalam keterangan al-Quran berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Tīn (95), ayat 4 yang bermaksud: “*Sesungguhnya telah Kami ciptakan manusia itu dengan sebaik-baik kejadian*”. Jadi, setiap individu dalam kalangan mereka mempunyai hak dan martabat masing-masing iaitu sama di sisi Allah SWT termasuklah golongan autistik tersebut. Firman Allah SWT:

عَبَسَ وَتَوَلَّى {1} أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى {2} وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهٗ يُزَكَّى {3} أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ الذِّكْرَى {4}

Surah ‘Abasa 80:1-4

Terjemahan: Dia memasamkan muka dan berpaling,. Kerana dia didatangi orang buta. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya, wahai Muhammad) Barangkali dia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatinya daripadamu).

Ayat ini menceritakan tentang peristiwa Abdullah Ibnu Ummu Maktum yang dikategorikan sebagai OKU kerana buta matanya, yang datang untuk belajar dan tidak mendapat perhatian dari Nabi SAW. Ini kerana ketika itu, Nabi SAW sedang sibuk menyampaikan dakwah kepada pembesar Quraisy dalam satu majlis. (Al-Zuhailī, 2007) Keadaan ini telah mendapat teguran dari Allah SWT, justeru sebagai sebab turunnya ayat ini. Hal ini menunjukkan Allah SWT tidak meletakkan kekurangan seseorang itu dari sudut fizikal sebagai *asbab* mereka tidak perlu diberikan hak sewajarnya. Dalam erti kata bahawa termasuk golongan autistik yang dimaksudkan dalam perbincangan ayat tersebut secara tidak langsung.

Para ulama telah membincangkan isu kanak-kanak termasuk kematangan kanak-kanak autistik terutama dalam soal taklif. Perbincangan banyak tertumpu kepada isu *dungu*<sup>1</sup> seperti disebut oleh Dr.Wahbah al-Zuhailī dalam kitabnya *Fiqh* dan Perundangan Islam. (Al-Zuhailī, 2007). Manakala *safih* pula bermaksud sifat kekurangan seseorang menyebabkan bekerja dengan cara berlawanan akal dan syarak. (Wan Nasyrudin & Hisham, 2013). Di dalam al-Quran Allah SWT menyebutkan perihal *safih* dengan jelas sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَامًا وَارزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Surah al-Nisā’(4):5

Terjemahan: Dan janganlah kamu berikan (serahkan ) kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta kamu, yang Allah telah menyediakan untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian dan ucapkanlah mereka kata-kata yang baik.)

<sup>1</sup> *Dungu* bermaksud lemah untuk memahami dan lemah pada kesedaran. Kelemahan itu menyebabkan percakapannya tidak jelas kadang-kadang seperti orang waras dan kadang-kadang seperti orang gila. Kedudukan mereka sama seperti kanak-kanak yang belum mummaiyiz dan tidak dikenakan *taklif*.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas sebahagian ulama lain mengkategorikan autistik sebagai “*al-‘atah*” atau lembam. Al-Jurjānī mendefinisikan *al-‘atah* (lembam) sebagai kekurangan pada akal yang tidak sama dengan gila atau fikiran yang berkecamuk/keliru. (Al-Jurjānī, 2012). Pandangan ini turut dipetik oleh Dr. Zulkifli al-Bakri ketika menjelaskan tentang isu *autism*. (Bayan Linnas Siri Ke-150). Individu yang lembam adalah yang kurang akalnya. Bezanya dengan bodoh (*al-safah*) adalah ia merupakan penyakit kanak-kanak (yang cenderung) terhadap diri sendiri yang menyebabkan akalnya tidak berfungsi dengan baik. Maka, pesakit menjadi celaru akalnya. (Bayan Linnas Siri Ke-41).

Menurut ‘Abd al-Qadīr ‘Awdah ketika membincangkan isu ini, beliau menyatakan bahawa autistik adalah kategori lembam yang mengandungi ciri-ciri seperti tahap pemahaman yang kurang, pertuturan yang tidak teratur dan jelas, dan lemah dari sudut pengurusan dirinya. Walaubagaimanapun keadaan tersebut tidak sampai tahap hilang akal atau gila. Cuma tahap kematangan mereka agak perlahan dan tidak mencapai tahap kematangan golongan normal yang baligh. (‘Abd al-Qadīr ‘Awdah, 2009).

Di dalam hadith Nabi SAW juga ada menyatakan tentang pengecualian *taklif* dan hukum hakam terhadap golongan OKU termasuk golongan autistik disebabkan kekurangan yang mereka alami seperti mana yang disebut dalam perbincangan sebelum ini. Daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ، وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَشِبَّ، وَعَنِ الْمَعْتُوهِ حَتَّى يَعْقِلَ

Terjemahan: “Diangkat pena (yakni tidak dicatatkan amalan) daripada tiga golongan: Orang yang tidur sehingga dia bangun, daripada bayi sehingga dia remaja (baligh) dan daripada orang yang cacat mental sehingga dia berakal.” (Al-Tirmidhī, 1417H)

Hadith ini mempunyai kaitan dengan apa yang disebutkan dalam riwayat Abū Dawūd dan al-Tirmidhī sebelum menyebutkan hadith ini, di mana Hannād al-Janbiy berkata bahawa telah dibawa datang kepada ‘Umar seorang wanita yang telah berzina. Lalu ‘Umar mengarahkan agar wanita itu direjam. Kemudian ‘Alī melalui kawasan itu dan mengambil wanita tersebut yang kemudian membebaskannya. Hal ini dikhabarkan kepada ‘Umar dan beliau berkata: “Panggillah ‘Alī untuk berjumpa denganku.” Kemudian, ‘Alī datang dan berkata: “Wahai Amir al-Mukminin, sesungguhnya kamu telah mengetahui bahawa Rasulullah SAW telah bersabda seperti hadith yang disebutkan di atas. Kemudian dijelaskan bahawa wanita *al-ma’tūh* ini daripada Bani Fulan. Boleh jadi yang menyetyubuhnya itu, menyetyubuhi wanita tersebut dalam kondisi perempuan tersebut tidak sempurna akalnya. Jawab ‘Umar: “Aku tidak tahu.” Maka jawab ‘Alī: “Dan aku juga tidak tahu.” (Al-Tirmidhī, 1417H).

Ketika membincangkan hadith ini, Taqī’ al-Dīn al-Subkī, menyebutkan bahawa hadith ini ada beberapa lafaz yang berbeza iaitu (عن المجنون حتى يبرأ) “*daripada gila hingga kembali sedar*”, (عن المعتوه حتى يبرأ) “*daripada gila dan sehingga sampai kembali akalnya*”; (المجنون والمغلوب على عقله) “*daripada lemah akal hingga sembuh*”; dan (عن المجنون حتى يعقل) “*daripada gila sehingga kembali berakal.*” Menurut beliau lagi, keseluruhan lafaz ungkapan tersebut adalah hampir sama maksudnya. Bahkan, gila dan kurang akal adalah merujuk kepada makna yang sama. Cuma dalam konteks bahasa, kalimah (المعتوه) adalah merujuk kepada *al-nāqis al-‘aql* (orang yang kurang akal). Sedangkan maksud “*kurang akal*” adalah merujuk kepada ketidakmampuannya untuk berkomunikasi (bercakap), sama seperti orang yang gila. Bahkan ada dari kalangan ulama dan ilmuwan yang menyatakan kekurangan akal dihubungkan dengan ketidaksempurnaan akal secara meluas. Maka yang demikian tersebut adalah satu kekurangan yang sempurna. (Taqī’ al-Dīn al-Subkī, 1992). Jadi,

jika dirujuk kepada pandangan ini, ada hubung kait yang sangat rapat dengan golongan autistik yang dimaksudkan dalam perbincangan ini.

Dalam 'Awn al-Ma'bud menyebutkan bahawa perkataan *al-ma'tūh* ialah gila yang membawa hilangnya akal. Inilah yang dinyatakan dalam al-Majma'. Boleh jadi yang mendatangnya itu orang yang berkeadaan tidak sempurna akal. Adapun jawapan Umar, "Aku tidak mengetahuinya," bermaksud, beliau tidak mengetahui perbuatan zina tersebut berlaku ketika perempuan tersebut berada dalam keadaan tidak sempurna akalnya. 'Alī berkata, "dan aku tidak mengetahuinya," yang bermaksud beliau tidak mengetahui ketika berzina, wanita tersebut dalam keadaan sempurna akalnya atau boleh jadi, perempuan tersebut gila yang mana sifat gilanya tidaklah berterusan tetapi sekali gila dan sekali yang lain sedar. Dengan sebab itulah 'Umar berkata demikian dan dijawab oleh 'Alī dengan berkata demikian. Justeru, situasi ini berada dalam keadaan syubhah (ada keraguan). Oleh itu, hukuman hudud terlepas dan ditolak ketika wujudnya apa-apa syubhah. (Al-'Azīm Ābādī, 2005).

Demikian juga penjelasan daripada 'Abd al-Muḥsin bin Ḥamad al-'Abbād yang mengukuhkan keterangan sebelum ini. Ketika menjelaskan hadith ini, beliau telah mengaitkan dengan satu lagi riwayat Abū Dawūd daripada jalan yang lain mengenai kisah seorang wanita gila yang berzina. Dalam keterangan itu menyebutkan bahawa 'Alī RA berkata: "Moga-moga ketika dia mendatangnya itu datang dalam keadaan dia ditimpa bala yakni dalam keadaan gila. Kerana dia sering diuji dengan gila itu, seketika gila seketika sedar (tidak gila), maka mudah-mudahan perbuatannya (iaitu zina) itu berlaku dalam keadaan dia gila". Jadi, bermaksud bahawa dia tidak lagi *mukallaf* (yang dikenakan taklif). Maka 'Umar RA berkata: 'Aku tidak mengetahui bahawa dia menghadapi situasi gila itu." Kata 'Alī RA: "Aku juga tidak mengetahui bahawa dia menghadapi demikian demikian." Oleh itu, dalam situasi ini, permasalahan zina tersebut adalah berdasarkan kepada andaian sahaja. Maka, hukuman hudud gugur disebabkan wujudnya keraguan. Lalu, 'Umar RA tidak mengenakan hukuman hudud terhadap wanita tersebut. ('Abd al-Muḥsin al-'Abbād, 2015).

Berdasarkan kepada perbincangan terhadap dalil yang dikemukakan itu, jelas menunjukkan golongan OKU khususnya autistik ini diangkat taklif terhadap mereka sebagaimana disebut oleh ulama sebagai *rufi' al-qalam* (رُفِعَ الْقَلَمُ) iaitu membawa maksud tidak dikenakan taklif atau gugur taklif terhadap mereka. (Al-Mubārakfūrī, 2015). Oleh itu, para ulama secara umumnya telah membahagikan autistik kepada dua bahagian berdasarkan kepada tahap kematangan mereka:

1. Kebanyakan *fuqahā'* mengkategorikan autistik sebagai satu jenis daripada penyakit mental kerana tahap kematangan yang berbeza-beza bagi golongan yang lembam. Tetapi, ianya tidak keluar daripada kondisi anak kecil yang sudah *mumayyiz*.
2. Sebahagian *fuqahā'* yang lain berpandangan bahawa tahap kematangan sebahagian golongan yang autistik adalah seperti kanak-kanak yang belum *mumayyiz* dan sebahagiannya pula seperti yang sudah *mumayyiz*.

Menurut 'Abd al-Qadīr 'Awdah dalam *Al-Tashrī' al-Jinā'i al-Islāmī*, ulama membezakan di antara penyakit mental dan lembam. Penyakit mental kebiasaannya mempunyai masalah fikiran bercelaru dan terganggu manakala lembam selalunya pesakit akan berada dalam keadaan yang tenang. Perbezaan di sini juga diukur dari sudut *tamyiz* iaitu dapat membezakan di antara yang baik dan buruk. Berdasarkan pandangan ulama tersebut, jumhur *fuqahā'* menyatakan bahawa lembam atau autistik terkecuali daripada hukum *taklifī* sama ada dari sudut ibadah, munakahat dan juga jinayat. Ini kerana ketidakupayaan mental mereka disebabkan oleh kecacatan pada neurologi (saraf). Walau bagaimanapun mereka perlu diajar dan dilatih dalam soal ibadah seperti solat, puasa dan disiplin diri kerana ibadah tersebut mampu menjadi terapi kerohanian kepada mereka. Tambahan lagi, mereka juga mempunyai hak untuk belajar dan beribadah kepada Allah SWT sekalipun berkemungkinan mereka tidak dapat melaksanakan atau tidak mampu untuk mengingat ilmu tersebut secara menyeluruh. *Taklif* boleh didefinisikan sebagai suatu perintah yang diwajibkan ke

atas seseorang *mukallaf* untuk melakukan sesuatu yang sukar baginya. Orang yang dikenakan taklif dinamakan sebagai *mukallaf*. *Mukallaf* adalah seseorang yang wajib melaksanakan hukum syarak sama ada wajib, haram yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. (Abd al-Qadīr ‘Awdah, 2009)

Kemudian, sebahagian ulama membahagikan kecacatan golongan lambat atau autistik ini kepada dua tahap iaitu tahap tinggi dan tahap rendah. Kedua-dua tahap ini tidak menanggung tanggungjawab atau *taklif*. Hukum mereka bergantung kepada tahap terencat akal mereka. Bagi tahap yang tahap tinggi mereka tidak diwajibkan dengan kewajipan dan larangan. Sekiranya mereka melakukannya tidak sah dan tidak diterima. Manakala bagi tahap yang rendah pula mereka juga tidak diwajibkan atas *taklif*. Cuma sekiranya mereka melakukan sesuatu ibadah sebagai contoh solat akan diberi pahala oleh Allah SWT. Sebahagian ulama mengatakan pahala akan dapat kepada dirinya sendiri dan sebahagian lain mengatakan pahala akan diperoleh oleh kedua orang tuanya sekiranya keduanya menyuruh anak tersebut untuk melaksanakannya. (Dr Syed Sahridzan Bual Bicara, 11 Disember 2021).

Hal ini kerana terdapat kelemahan dan kekurangan yang menggugurkan tanggungjawab yang disyariatkan ke atas mereka. Terdapat dua syarat utama yang perlu ada dan dipenuhi oleh seseorang Muslim bagi mencukupkan syarat taklif iaitu seseorang itu perlu memahami dalil sesuatu perintah dan mestilah yang mempunyai *ahliyyah* (kemampuan dalam memahami sesuatu perkara dengan baik). (Azman Ab. Rahman et. al, 2015). Walau bagaimanapun mereka perlu dilatih dan diajar untuk melakukan ibadah seperti ibadah solat, membaca al-Quran dan sebagainya kerana kesemua ibadah tersebut mampu menjadi kekuatan bagi diri mereka bahkan boleh menjadi terapi kerohanian. (Al-‘Awāyushah, 2002)

## 7. PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada penjelasan yang telah dikemukakan, terdapat beberapa perbincangan yang berkaitan dengan autistik dari sudut undang-undang dan hukum Islam yang boleh diketengahkan dan diberikan perhatian yang lebih lanjut. Hal ini kerana data dan kajian menunjukkan autistik dianggap sebagai isu minoriti sedangkan kes autistik dari sudut peningkatan jumlah dan kes-kes berkaitan dengannya saban hari semakin menunjukkan peningkatan.

### 7.1 Pertama: Autistik Sebagai Penyakit Semasa Dalam Masyarakat

Apabila menyebut isu autistik ianya bukan suatu perkara baharu bahkan ianya telah wujud lama di dunia semenjak tahun 1948 lagi. Di Malaysia autistik telah lama wujud dan menjadi agenda negara apabila kerajaan telah menubuhkan sekolah OKU yang pertama pada tahun 1948 dan 1954. Masing-masing di Pulau Pinang dan Johor Bharu. Sekolah ini telah dibina khusus untuk anak-anak OKU termasuklah anak-anak autistik. Walau bagaimanapun, saban hari semakin banyak peningkatan kelahiran anak-anak autistik yang menyebabkan kerajaan telah menggubal undang-undang dan akta OKU bagi memastikan kelestarian kehidupan OKU dapat terjaga dan tidak terabai. Pelbagai akta dan dasar telah digubal menunjukkan masalah ini bukan sahaja di peringkat negeri bahkan telah sampai peringkat kebangsaan yang memerlukan semua pihak berganding bahu dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan OKU termasuk autistik ini. Oleh sebab itu, memandangkan autistik termasuk salah satu jenis “penyakit” dalam masyarakat yang memerlukan bukan sahaja dari aspek rawatan, tetapi keperluan dalam membantu kelangsungan hidup. Jadi, aspek undang-undang dilihat sangat relevan untuk diberikan perincian yang lebih terhadap golongan ini supaya mempunyai peruntukan undang-undang yang khusus terhadap golongan autistik ini. Bukan semata-mata umum kepada semua golongan OKU. Bahkan, disebabkan oleh ciri dan tingkah laku yang berbeza dalam kalangan autistik juga perlu diberikan perhatian dari sudut hukum Islam itu sendiri agar perincian yang jelas dapat dikemukakan apabila berhadapan dengan golongan autistik yang beragama Islam.

## **7.2 Kedua: Keperluan Kepada Pemantapan dan Penguatkuasaan Undang-Undang Terhadap Autistik**

Pertambahan statistik golongan OKU dan peningkatan kes-kes jenayah serta pelanggaran undang-undang dalam kalangan OKU termasuk kalangan autistik memaksa pihak berwajib untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan. Menurut Presiden Persatuan Kurang Upaya Anggota Melayu Malaysia (KUAM), Suhairi Abdullah akta OKU yang sedia yang telah diperuntukkan untuk mereka sudah ada tetapi masih belum dipraktikkan secara total. Akta-akta ini amat penting bagi golongan ini supaya dapat dilaksanakan secara menyeluruh bukan hanya dijadikan sebagai perhiasan seolah-olah mekap bagi menutup masalah yang dihadapi oleh OKU. (Tahir, et.al., 2020). Dalam erti kata bahawa, termasuk dalam isu yang melibatkan jenayah terhadap golongan autistik sama ada mereka menjadi mangsa jenayah atau mereka secara langsung terlibat dengan kes jenayah. Berdasarkan apa yang dijelaskan sebelum ini, dalam kes jenayah yang telah dilakukan oleh golongan ini, maka tindakan terhadap mereka masih kabur dan kurang jelas kerana tidak ada perincian yang jelas bagi menghadap situasi jenayah yang dilakukan tersebut. Oleh sebab itu, perincian terhadap undang-undang dan penguatkuasaannya perlu diberikan perhatian yang sewajarnya supaya ia dilihat secara menyeluruh. Pada masa yang sama dapat memudahkan proses undang-undang itu dijalankan. Termasuk juga penting dari sudut untuk mengelak daripada berlakunya diskriminasi terhadap golongan autistik ini. Badan Peguam Malaysia ada mengesyorkan agar akta OKU 2008 dilaksanakan secara mampan dan menyeluruh bagi mengelak diskriminasi terhadap golongan ini. Dalam erti kata bukan semata-mata terhadap golongan autistik sahaja, tetapi sebenarnya diskriminasi wujud terhadap hampir kebanyakan kes yang melibatkan golongan OKU terbabit. Badan Peguam Malaysia juga turut mencadangkan agar akta ini disemak dan dikaji semula bagi memastikan sebarang tindakan undang-undang terhadap salah laku yang melanggar akta 2008 serta memastikan keberkesanan Akta 2008 agar mencapai objektif demi pembangunan dan kesejahteraan OKU di Malaysia secara umumnya.

## **7.3 Ketiga: Keperluan Pemantapan Hukum Berkaitan Autistik**

Pemantapan hukum berkaitan autistik amat perlu dimantapkan dan dimurnikan mengikut kesesuaian masa. Hukum-hukum berkaitan ibadah, munakahat, jinayah dalam kalangan golongan amat wajar dimantapkan berikutan peningkatan bilangan golongan ini dalam masyarakat dan banyak isu yang timbul yang memerlukan kepada perincian dari aspek hukum Islam khususnya terhadap golongan autistik yang beragama Islam. Contohnya, isu aurat di mana bagaimana penjelasan dari aspek hukum terhadap golongan ini, apabila dewasa dan telah mencapai umur baligh, dari aspek pemeliharaan aurat sendiri, aurat dengan wanita bukan mahram, aurat ketika berada di rumah bersama dengan adik beradik lain apabila dia seorang wanita dan sebagainya lain. Termasuk dari sudut pergualan mereka dengan orang lain, khususnya apabila melibatkan jantina berbeza dan bukan dari kalangan adik beradik atau keluarga terdekat. Sekiranya wujud taklifan terhadap mereka, dalam kategori mana golongan ini akan diletakkan dan adakah semua autistik ini ditentukan hukum yang sama atau ada perbezaan antara mereka? Atau adakah wujud perbezaan hukum antara mereka kerana perbezaan taklifan sehingga setiap kategori autistik mempunyai garis dan perincian hukum yang berbeza? Perkara hukum ini perlu diberi perhatian dan dimantapkan sewajarnya dari masa ke semasa bagi memastikan golongan ini turut jelas dengan segala perlakuan dan tindakan yang dilakukan mereka mempunyai implikasi hukum dalam agama Islam itu sendiri. Termasuk juga dalam aspek pelaksanaan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah yang sewajarnya turut diberikan penekanan mengikut kadar kemampuan mereka, agar golongan ini tidak terpinggir dan mempunyai kefahaman yang jelas terhadap tanggungjawab dalam agama. Peranan dalam membantu golongan ini terletak pada kita yang dilahirkan dalam keadaan normal. Golongan tersebut dalam termasuk dalam kalangan hamba Allah secara umumnya yang juga mempunyai tanggungjawab dalam beribadah dan mengabdikan diri kepada Allah mengikut kadar dan kemampuan yang ada pada mereka. Perkara ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah al-Dhāriyāt (51), ayat 56 yang bermaksud: “*Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku*”.

Jadi, dalam soal hukum hakam yang melibatkan golongan ini, maka dicadangkan agar diberikan lagi perincian dari pelbagai aspek. Usaha pemantapan hukum Islam mengikut landasan yang betul ini sangat penting terhadap golongan ini dari aspek memelihara dan mencegah golongan ini tercicir dalam soal agama dan pada masa yang sama mengelak daripada berlaku jenayah terhadap golongan ini sama ada mereka menjadi mangsa atau sebagai pelaku jenayah sendiri. Berdasarkan kes yang berlaku, jelas menunjukkan bahawa golongan ini masih mempunyai nafsu dan kecenderungan seksual sehingga melakukan sesuatu tindakan yang tidak sewajarnya. Dengan penjelasan hukum yang sewajarnya, dapat membantu memelihara mereka daripada jenayah tersebut. Walaupun tidak dinafikan ada kelonggaran terhadap mereka dalam beberapa perkara, tetapi tidak bermaksud bahawa boleh untuk melonggarkan semuanya sekali kecuali ditetapkan batasan yang sesuai demi kemaslahatan bersama.

## 8. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan, perbahasan tentang undang-undang dan hukum berkaitan autistik amat penting untuk diperbaruhui dan diperhalusi dari semasa ke semasa bagi memastikan mereka tidak terabai dari sudut undang-undang dan tidak ketinggalan dari sudut hukum hakam semasa. Bahkan, sebahagian undang-undang perlu diselaraskan dan dilaksanakan dengan tepat sesuai dengan keadaan autistik dan mengikut situasi yang sebenar. Begitu juga dengan hukum yang melibatkan ibadah, jinayah, muamalat dan lain-lain bagi golongan ini yang perlu dikemaskini serta disesuaikan dengan keadaan ketidakupayaan golongan tersebut. Perkara tersebut perlu dibincang dan disebarluaskan kepada semua ibubapa, masyarakat, serta semua peringkat di dalam negara supaya tidak berlaku salahfaham dan mendiskriminasikan golongan ini. Hal ini kerana masih lagi ada dalam kalangan anggota masyarakat yang tidak memahami tentang keperluan golongan ini sehingga banyak perkara yang diabaikan, termasuk dalam aspek hukum hakam yang sewajarnya mereka juga diberikan penjelasan dan didikan yang khusus untuk kemaslahatan mereka. Semua ini memerlukan kepada sokongan dan kefahaman masyarakat bagi memastikan golongan ini dapat meneruskan kehidupan sosial mereka dengan baik. Tambahan lagi, ibubapa juga perlu meletakkan keutamaan dalam membentuk golongan ini agar dapat memahamkan mereka tentang hukum semasa terutamanya berkaitan amal ibadah mereka seharian. Semua golongan masyarakat perlu saling membantu golongan ini dalam mengharungi cabaran kehidupan mereka dalam masyarakat dan mengelak sama sekali memandang rendah golongan ini kerana setiap manusia itu mempunyai peranan dan kelebihan masing-masing.

## 9. PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah geran Universiti Malaya bernombor UMG008L-2021 dengan tajuk “Pembangunan Kaedah Terapi Al-Quran bagi Pemulihan dan Rawatan Tingkah Laku Autistik” dari 1 November 2021 hingga 31 Oktober 2022.

## RUJUKAN

‘Abd al-Muḥsin al-‘Abbād bin Ḥamad bin ‘Abd al-Muḥsin, (2015), *Sharḥ Sunan Abī Dawūd*, Rakaman Audio yang ditranskripsikan.

‘Abd al-Qadīr ‘Awdah, (2009). *Al-Tashrī‘ al-Jinā‘i al-Islāmī: Muqāranan bi-Al-Qānūn al-Waḍ‘ī*, Beirut; Dār al-Ḥadīth.

Abdul Rauf Hasan et.al, (2015), *Kamus Arab –Melayu*, Kuala Lumpur: Oxford Fajar.

Abī Dāwūd, Sulaymān bin al- Ash’at al-Sijistānī, (t.t). *Sunan Abī Dāwūd*, ed. Muḥammad Maḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.

Ahmad Al-Aayid et. al, (1989), *Al-Mu`jam Al-Arabiy Al-Asasi*, Larus: t.p..

Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685).

Al-‘Awāyushah, Ḥusain bin ‘Awdah (2002), *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyah al-Muyassarah fī Fiqh al-Kitāb wa al-Sunnah al-Muṭahharah*, Beirut: Dār al-Ḥazm.

Al-‘Azīm Ābādī, Abī ‘Abd al-Raḥmān Sharaf al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, (2005). *‘Awn al-Ma’būd ala Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*, ed. Muḥammad Naṣir al-Dīn al-Albānī Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

American Psychiatric Association. (2013). Diagnostic and statistical manual of mental health disorders (DSM-5) 5th ed., Washington, DC: American Psychiatric Association.

Astroawani, 18 dan 19 September 2018, diurl: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-lelaki-autisme-raba-jkm-teliti-semula-sop-186052>, dan <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-pantau-kes-lelaki-autistik-ditahan-selepas-didakwa-meraba-185890> dicapai pada 30 Mac 2022.

Astroawani, 2 April 2018, diurl <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/hari-kesedaran-autisme-sedunia-10-perkara-yang-anda-perlu-tahu-tentang-autisme-171881> dicapai pada 11 Mac 2020.

Azman Ab. Rahman et. al, (2015), *Fiqh Ibadah Orang Kelainan Upaya*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Bayan Linnas Siri 41, diurl: <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1822-bayan-linnas-siri-41-menyantuni-golongan-oku> diakses pada 23 Februari 2022.

Bayan Linnas Siri Ke-150, di url: <https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/2642-bayan-linnas-siri-ke-150-fiqh-dan-penyelesaian-isu-autisme-2> diakses pada 16 Mac 2022.

Bayan Linnas Siri Ke-41, Rujuk url:<https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1822-bayan-linnas-siri-41-menyantuni-golongan-oku> diakses pada 23 Februari 2022.

Berita Harian, 10 April 2019 di link: <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/04/551094/golongan-autisme-perlu-dibantu-berdikari>, diakses pada 10 Mac 2022

Berita Harian, 15 Oktober 2019, link: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/617977/pesalah-autisme-terbabit-jenayah-boleh-digari> diakses pada 1 Mac 2022.

Berita Harian, 16 September 2018, diurl: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/09/474483/penahanan-pemuda-autisme-cabul-gadis-ikut-sop-polis> dicapai pada 1 Mac 2021.

Berita Harian, 16 September 2018, diurl: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/09/474483/penahanan-pemuda-autisme-cabul-gadis-ikut-sop-polis> dicapai pada 1 Mac 2021, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, diurl: [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/inlay\\_statistik\\_v5\\_final.pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/inlay_statistik_v5_final.pdf) dicapai pada 1 Mac 2021

- Berita Harian, 4 Oktober 2021, diurl: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/10/872264/5-saksi-dipanggil-bantu-siasatan-kes-dera-budak-autisme> diakses pada 23 Februari 2022.
- Berita Harian, 6 Februari 2020, diurl: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/653088/hukuman-penjara-oku-wajar-ditimbang-semula-suhakam>, diakses pada 3 Mac 2022.
- Dr Syed Sahridzan Bual Bicara: Adakah Syurga Jaminan bagi Pengidap Autism, pada 11 Disember 2021, Rujuk: <https://bit.ly/3pzmcDM>
- Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya, (2010) Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat, [https://www.moh.gov.my/index.php/database\\_stores/attach\\_download/312/187](https://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/attach_download/312/187), diakses pada 30 Mac 2022.
- Gempak, 4 Oktober 2021, diurl: <https://gempak.com/berita-terkini/bapa-terkilan-anak-autisme-dikasari-guru-bagi-alasan-dia-makan-dia-keluarkan-balik-itu-yang-saya-terpaksa-enforce-dengan-dia-66904> diakses pada 23 Februari 2022
- Harian Metro, 10 Disember 2021, link: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/12/787042/persenda-oku-kerajaan-diminta-pinda-akta-oku>, diakses pada 3 Mac 2022.
- Harian Metro, 15 April 2018, diurl <https://www.hmetro.com.my/sihat/2018/04/330789/autisme-masalah-paling-popular> dicapai pada 11 Mac 2020
- Islamweb, rujuk url: [https://www.islamweb.net/ar/library/index.php?page=bookcontents&ID=2649&bk\\_no=56&flag=1](https://www.islamweb.net/ar/library/index.php?page=bookcontents&ID=2649&bk_no=56&flag=1), diakses pada 25 Mac 2022.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018 diurl: [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/inlay\\_statistik\\_v5\\_final.pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/inlay_statistik_v5_final.pdf) dicapai pada 1 Mac 2021
- Al-Jurjānī, 'Alī ibn Muḥammad al-Ḥusainī, (2012). *Al-Ta'rifāt*, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyah.
- Kusrin, Z. M., & Yaakub, Z. (2020). Keperluan SOP Khusus untuk Tahanan dan Penyiasatan Individu Autisme. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic and Contemporary Issues*, 5(1), 179-187.
- Kusrin, Z. M., Samuri, M. A. A., Ali, M. M., & Sham, F. M. (2020). Intervensi Individu Dengan Autisme Berkaitan Tingkah Laku Seksual, *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, Bil. 31 (1), 121-137
- Kusrin, Z. M., Samuri, M. A. A., Ali, M. M., Sham, F. M., & Arifin, M. S. (2019). Individu Autisme Dan Perlakuan Melanggar Undang-Undang, *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(2), 219-237.
- Laman Joecomp, di url: <https://ms.joecomp.com/british-court-allows-hacker-to-be-extradited-to-u> diakses pada 10 Mac 2022.



- Manalu, A. P., Ramayanti, I., & Arsyad, K. H. M. (2013). Faktor-Faktor Kejadian Penyakit Autisme Anak di Bina Autis Mandiri Palembang. *Syifa'MEDIKA: Jurnal Kedokteran dan Kesehatan*, 4(1), 16-21.
- Al-Mubārakfūrī, Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm, (2015), *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi` al-Tirmidhī*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Noor Aina Dani et.al, (2019). *Autisme Suatu Fitrah*, Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, (2019), 17-18.
- Nurjannah, Penyandang, (2020), Autisme Sebagai Subjek Hukum Dalam Konteks Taklif, *SHIBGHAH: Journal of Muslim Societies*, Vol. 2 No. 2 Julai - Disember 2020, 171-187.
- Razhiyah, K. A. (2008). *Apa Itu Autisme?*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Tahir, Z., Thambapillay, S., Yusoff, J. Z. M., & Rahman, A. S. A. (2020). Undang-undang berkenaan orang kurang upaya: Satu analisis perkembangan perundangan di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(1), 96-114.
- Taqī’ al-Dīn al-Subkī, ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfi (m.756) (1992), *Ibrāz al-Ḥukm min Ḥadīth Ruffi` al-Qalam*, (ed.) Kilānī Muḥammad Khalīfah, Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah li al-Ṭibā`ah wa al-Nashr wa al-Tawzī`.
- The News Courier, 17 April 2017, di url: [https://www.eneWSCourier.com/news/local\\_news/update-motorcyclist-shooter-gets-20-years-but-will-serve-5-years-supervised-probation/article\\_fa69100c-238c-11e7-938a-5f50eb9b5b65.html](https://www.eneWSCourier.com/news/local_news/update-motorcyclist-shooter-gets-20-years-but-will-serve-5-years-supervised-probation/article_fa69100c-238c-11e7-938a-5f50eb9b5b65.html), di akses pada 10 Mac 2022.
- Al-Tirmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah, (1417H) *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Muḥammad Nāsir al-Dīn al-Albānī, al-Riyād: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzī`.
- Toran, Hasnah, (2017). *Autisme: Panduan Ibu Bapa*, Lunas, Kedah: Penerbitan Ryadh.
- Wan Abdullah, W.N & Ahmad, H, (2013), *Aku Bersyukur Anakku Autism*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Al-Zuhailī, Dr. Wahbah, (2007). *Tafsir al-Munir Juz Amma*, Shah Alam: Intel Multimedia and Publication.

Mohd Azim Hakim Ibrahim  
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA  
Email: hakimyn9897@yahoo.com

Khadher Ahmad (Corresponding author)  
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA  
Email: khadher82@um.edu.my

Mustaffa bin Abdullah  
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA  
Email: [mustaffa@um.edu.my](mailto:mustaffa@um.edu.my)